

Semua penerbitan Al-Arqam diharamkan - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Kerajaan memutuskan semua penerbitan Al-Arqam dan penerbitan atas nama pihak lain tetapi digunakan oleh pergerakan itu untuk menyebarkan ajarannya diharamkan, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, dengan pengharaman tersebut semua buku-buku dan majalah terbitan Al-Arqam akan dikumpul semula dan tidak lagi dibenarkan untuk diedar.

"Ini bermakna semua terbitan Al-Arqam dan majalah yang tidak dimiliki oleh Al-Arqam tetapi digunakan oleh pergerakan itu untuk menyebarkan ajarannya termasuk dalam pengharaman tersebut," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarbangsa di sini malam ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Ke-35 yang dipengeruskannya hari ini yang antara lainnya membincangkan tindakan yang akan diambil ke atas Al-Arqam.

Menurut Perdana Menteri, di samping tindakan tersebut kerajaan juga akan memberi penjelasan kepada rakyat kenapa kerajaan mengambil tindakan menghamkan semua kegiatan pergerakan itu.

"Kita berpendapat tidak memadai dengan mengatakan Al-Arqam itu haram tanpa memberikan sebarang penjelasan kepada rakyat kenapa tindakan itu diambil kerana kita juga berpendapat bahawa Al-Arqam sebenarnya menyebarkan ajaran sesat," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa, kerajaan

akan mengambil tindakan ke atas Al-Arqam sekiranya pergerakan itu meneruskan usahanya mengelirukan orang ramai.

Katanya, tindakan tegas itu perlu diambil kerana jika Al-Arqam dibiarkan terus menyebarkan ajaran sesat ia akan terus menerus mengelirukan umat Islam.

"Sekiranya perkara ini tidak dibendung, umat Islam akan terus keliru dan mungkin umat Islam tidak akan mengamalkan lagi ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Di samping itu kata Perdana Menteri, kerajaan bertegas dalam perkara ini memandangkan ramai umat Islam kini percaya bahawa ajaran yang dibawa oleh Al-Arqam itu adalah ajaran Islam yang sebenarnya.